

Pensyarah, ketua jabatan universiti luar digalak kongsi kepakaran

NILAI - Kementerian Pendidikan menggalakkan lebih ramai pensyarah dan ketua jabatan universiti dari luar negara berkongsi kepakaran dengan menulis buku di dalam Bahasa Melayu bagi dijadikan rujukan akademik pelajar tempatan.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, seperti buku yang bertajuk "Sains Aktuari: Dari Aktuaris ke Aktuari" yang dihasilkan dalam Bahasa Melayu oleh Pengarah Program Sains Aktuari yang juga Pensyarah di Jabatan

Sains Matematik, Universiti of Essex, United Kingdom, Dr Haslifah Mohamad Hashim, ia memberikan satu pengiktirafan kepentingan bidang sains aktuari dalam pendidikan dan pembangunan negara.

"Buku ini berjaya diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada bulan Februari lalu dan hari ini pelancaran buku ini mendapat kerjasama daripada Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), jadi ia merupakan satu jalinan yang baik.

"Oleh demikian, saya meng-

alu-alukan lebih banyak lagi jalinan sebegini kerana jelas menunjukkan universiti-universiti tempatan sudah mencapai tahap global sebagaimana yang dikatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semasa pelancaran Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia baru-baru ini," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran buku tersebut di Usim, semalam.

Idris Jusoh pada majlis pelancaran 'Sains Aktuari: Dari Aktuaris ke Aktuari'.

